

# Saiz dana industri saham amanah berkembang RM11.0b

UM 27 APR 2002

ALOR SETAR 26 April — Saiz dana yang diluluskan dalam industri saham amanah telah berkembang kepada 110 bilion unit pada 31 Disember 2001 berbanding 55.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Sehubungan itu, menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, angka tersebut telah menjadikan nilai aset bersih industri saham amanah tempatan sebanyak RM47.3 bilion iaitu penguasaan sebanyak 10.2 peratus di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

“Melalui saham amanah, golongan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah berpeluang untuk turut serta dalam industri ini walaupun ia dibuat secara berdikit-dikit tetapi tetap menyumbang kepada perkembangan saham amanah tempatan.

“Sekaligus melalui nelaburan tersebut juga telah menjadikan mereka pemilik saham-saham syarikat yang diniagakan di BSKL,” katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap pada majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002 yang dianjurkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Persekutuan Pengurus-Pengurus Saham Amanah Malaysia (FMUTM) di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri lagi, menerusi PNB, kerajaan berjaya mengeluarkan saham-saham amanah berharga tetap dan berubah-ubah untuk memenuhi keperluan negara.

Jelasnya, pendekatan awal yang diambil oleh kerajaan bukannya mudah dan tidak boleh dicapai dalam sekelip mata tetapi ia melalui satu proses perancangan dan usaha jangka panjang bersepadu yang menyeluruh.

Sehubungan kejayaan itu, negara telah berjaya menarik pemimpin negara asing untuk mencontohi pendekatan unik yang dipelopori dan dilaksanakan selama ini.

“Sesungguhnya PNB adalah satu ciptaan unik malah ramai

pemimpin negara asing datang untuk mempelajari cara bagaimana PNB mengurus, mentadbir kewangan dan pelaburan daripada tabungan wang rakyat,” jelasnya.

Selain itu, Dr. Mahathir menambah, melalui usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi bumiputera yang sebelum ini masih ketinggalan berbanding bukan bumiputera, PNB telah berjaya menguasai syarikat-syarikat gergasi asing seperti Kumpulan Guthrie, Golden Hope Plantations Berhad, MMC dan Sime Darby Berhad.

“Sehubungan itu, ramai pengurus bumiputera yang berpeluang menguruskan syarikat-syarikat besar dan ramai lagi yang dapat dilatih dan diberi pengalaman dalam syarikat-syarikat tersebut.

“Semua ini menyumbang kepada usaha kerajaan melahirkan lebih ramai bumiputera yang berkebolehan dalam bidang pengurusan dan perniagaan,” jelas beliau lagi.

## Pelaburan

Sementara itu ketika bercajak kepada para pemberita selepas majlis penutup MSAM 2002, Perdana Menteri berkata, saham amanah kini semakin popular di kalangan masyarakat walaupun memiliki wang yang sedikit.

Beliau berkata, tarikan utama masyarakat memilih saham amanah kerana portfolio pelaburannya yang meluas dan ia tidak tertumpu kepada sesebuah syarikat sahaja.

“Sekiranya seseorang itu membeli saham sebuah syarikat yang baik, kadang-kadang apabila syarikat itu rugi, kita juga rugi.

“Tetapi apabila melabur dalam saham amanah walaupun hanya RM10 tetapi portfolio pelaburannya diperluaskan dan risikonya juga rendah,” jelasnya.